

Anak muda tak pernah lupa Undi18

STATISTIK semasa daripada **Jabatan Perangkaan Malaysia** dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunjukkan bahawa bilangan pengundi semasa adalah seramai 21.1 juta pengundi.

Daripada jumlah tersebut, pengundi 'belia' yang berumur 18 hingga 40 tahun dianggarkan seramai 12.2 juta atau 58 peratus daripada jumlah pengundi!

Buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia, pengundi 'anak muda' bakal membentuk sebahagian besar pengundi di Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) kelak.

Persoalannya di sini, adakah anak muda di Malaysia sudah bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka?!

Satu kajian telah dibuat oleh QGA berkaitan kesediaan anak muda terhadap PRU15.

Berdasarkan kajian tersebut, lebih 85 peratus anak muda bersedia untuk mengundi (bandar 85 peratus, semi bandar 92 peratus dan luar bandar 91 peratus).

Sebab utama yang telah dipilih adalah kerana ingin menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dan juga ingin memilih pemimpin yang lebih baik pada PRU15 akan datang.

<https://raser.live/anak-muda-tak-pernah-lupa-undi18/><https://raser.live/anak-muda-tak-pernah-lupa-undi18/>